

Kemenangan JDT harumkan nama Malaysia di Asia

Tanggal 31 Oktober 2015 pastinya menjadi tarikh keramat yang tidak akan dapat dilupakan dalam lipatan diari bola sepak Malaysia.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada pasukan kelab JDT atas kemenangan diraih, sekali gus menobatkan JDT selaku juara Piala AFC edisi 2015.

Pasukan di bawah kendalian jurulatih berpengalaman, Mario Gomez itu berjaya melakar kejayaan bergaya dan turut mengharumkan nama Malaysia di puncak arena bola sepak Asia. Kini, nama JDT dan Malaysia sekali lagi menjadi tajuk utama di dada akhbar dan terus meniti di bibir peminat bola sepak tanah air.

Pasukan JDT mengukir sejarah tersendiri apabila menjuarai Piala AFC selepas menumpaskan FC Istiklol, 1-0 dalam perlawanan ak-

hir di Stadium Central Republican Dushanbe di Tajikistan. Jaringan tunggal Leandro Velázquez pada minit ke-23 memastikan sejarah tercipta buat landskap bola sepak Malaysia.

Pencapaian membanggakan

Kemenangan JDT juga kejayaan buat negara kerana ia sejarah baharu sukan bola sepak. Semua pihak tanpa mengira siapa pun pasti merayakan kemenangan bersejarah ini. Pencapaian ini juga berjaya meruntuhkan monopoli kelab timur tengah yang kerap mendominasi kemenangan dalam meraih Piala AFC.

Kalau dapat diimbas kembali beberapa bulan lalu, skuad bola sepak (B-13) Malaysia di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) juga melakar sejarah apabila muncul juara Ke-

johan Bola Sepak Remaja Piala Iber Costa del Sol 2015 di Sepanyol.

Skuad ini berjaya mengalahkan pasukan B-13 Akademi Bola Sepak dari Portugal, Sporting Lisbon, dengan jaringan 2-1 pada aksi final yang berlangsung di Sepanyol.

Rakyat Malaysia pastinya meletakkan harapan tinggi agar kejayaan demi kejayaan dirangkul dapat sedikit sebanyak memperbaiki kedudukan bola sepak negara. Dalam kalangan negara Asia, Malaysia kini berada dalam kelompok bersama pasukan Bangladesh yang berada di kedudukan ke-169, Yaman (171), Pakistan (172), Laos (177), Kemboja (181) dan Brunei (184). Maka tidak mustahil kedudukan Malaysia dalam pentas bola sepak dunia akan kembali melonjak ke kedudukan lebih baik sekiranya langkah untuk mengekalkan momentum seperti ini dapat dipertingkat dan diperluaskan.

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dilihat mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan

Program Pembangunan Bolasepak Negara (NFDP). Program ini jelas mempunyai misi penting memartabatkan semula bola sepak negara pada peringkat antarabangsa, sekali gus menarik perhatian barisan jurulatih berpengalaman berkongsi pendapat mengenai program difikirkan penting bagi meningkatkan tahap kompetensi pemain bola sepak dari semasa ke semasa.

Bentuk pemain berkualiti

Malaysia melalui KBS sedang bertekad menjadi pengeluar utama pemain berkualiti bagi sukan bola sepak, menerusi penganjuran akademi atau klinik bola sepak membabitkan kanak-kanak bawah 12 tahun. Ini selaras matlamat negara bagi membentuk pemain berkualiti dan berdaya saing serta menguasai teknik asas bola sepak.

Dengan kejayaan pasukan JDT memenangi piala AFC yang berprestij, diharap pasukan lain juga dapat mempertingkatkan mutu dan kualiti pasukan masing-masing. Kita mahu lebih banyak pa-

sukan dapat melayakkan diri untuk tampil di pentas antarabangsa.

Pasukan dari Malaysia berhak mendapat pengiktirafan dunia sekiranya kita dapat mempamerkan aksi dan mutu permainan yang baik secara konsisten.

JDT juga tidak seharusnya alpa dengan pencapaian semasa, sebaliknya terus berusaha gigih untuk memperbaiki prestasi barisan serangan dan pertahanan.

Walaupun baru membimbing JDT, Mario Gomez menunjukkan kemampuannya selaku ketua jurulatih. Tidak kurang juga pasukan lain yang sudah memiliki pemain berbakat, pengurusan yang bagus, barisan kejurulatihan yang baik selain sokongan padu penyokong.

Kini tinggal usaha dan komitmen daripada setiap pemain ditagih supaya dapat menyemarakkan lagi landskap bola sepak Malaysia.

Dr Nurkhamimi Zainuddin

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.